

17/02/2001

20 kereta mini, 30 motosikal sertai konvoi

KOTA BHARU, Jumaat - Kira-kira 100 peserta dengan 20 kereta mini dan 30 motosikal berkuasa tinggi berlepas dari Kelantan pagi ini untuk menyertai sambutan Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru, di Stadium Malawati, Shah Alam, Selangor, Ahad ini.

Pelepasan konvoi itu dilakukan di dua tempat berasingan iaitu kereta mini di Kompleks Belia dan Sukan, Panji, dekat sini, kira-kira jam 9.30 pagi tadi manakala kumpulan motosikal berkuasa tinggi di bandar Pasir Puteh.

Seramai 45 peserta terbabit daripada Persatuan Kereta Mini Kelantan dilepaskan Pengarah Belia dan Sukan Kelantan, Saari Salleh dan mereka akan bergabung dengan kumpulan motosikal berkuasa tinggi yang menunggu di bandar Pasir Puteh.

Konvoi kereta mini dan motosikal itu diiringi empat motosikal kuasa tinggi akan menuju ke Terengganu dan peserta akan bermalam di Kuantan, Pahang, malam ini.

Mereka akan bergabung dengan konvoi kereta dan motosikal dari dua negeri itu untuk meneruskan perjalanan menuju ke Kuala Lumpur.

Saari berkata, konvoi itu dijangka tiba di Shah Alam petang esok sebelum menyertai Perhimpunan Patriotisme Alaf Baru, di Stadium Malawati.

Selain konvoi itu, 1,000 belia dari Kelantan juga turut mengambil bahagian bagi menyertai kira-kira 10,000 peserta lain yang akan menyertai perhimpunan itu, anjuran Majlis Belia Malaysia (MBM).

Berikutan itu, 14 bas akan bertolak ke Kuala Lumpur malam ini membawa peserta terbabit untuk menyertai perhimpunan berkenaan.

Perhimpunan itu akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang akan disertai pelbagai kaum dari seluruh negara untuk menunjukkan semangat patriotisme mereka kepada tanah air.

(END)